

UNTUK SIARAN SEGERA



Kuala Lumpur, 21 Julai 2014 – Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dengan kerjasama Media Prima Digital, menjemput pereka, pembangun aplikasi, usahawan dan perseorangan kreatif untuk menyertai acara **D3**. Acara ini akan berlangsung pada 23 hingga 24 Ogos ini di Wakalab, Media Prima Digital, Jalan Riong, Bangsar.

Dalam era Generasi Digital kini, kita dihubungkan dengan internet hampir setiap masa. Kita juga terus menerus belajar mengenai teknologi dan menerapkannya dalam hidup kerana peranannya yang mempertingkatkan kehidupan seharian kita. Tidak kira sama ada ianya perkara yang mudah seperti menyusun atur jadual harian, membeli-belah di dalam talian, mengingati tarikh lahir sehinggalah merancang percutian tahunan.

D3 merupakan landasan terbaik untuk mereka yang berminat dalam membangunkan aplikasi digital untuk pelbagai penyelesaian inovatif serta membawa dimensi baharu dalam industri media tanah air. **D3** mensasarkan penyertaan awam dalam menawarkan solusi kreatif dan aplikasi digital melengkapkan keperluan dunia hari ini. Cabaran menarik menanti peserta dalam membangunkan aplikasi digital menerusi integrasi dunia sebenar melalui kategori hiburan dan gaya hidup serta "Komuniti yang Terhubung".

Buat julung kalinya, penyelesaian dan aplikasi yang inovatif dikhaskan untuk pengguna luar bandar di bawah kategori Komuniti yang Terhubung. "Matlamat kami adalah untuk merapatkan jurang digital di antara komuniti bandar dan luar bandar. Kami mencari penggemar teknologi yang ingin membuat perubahan dengan membantu komuniti menerusi ciptaan aplikasi yang dapat meningkatkan cara hidup komuniti luar bandar. Kami akan memilih idea yang paling berinspirasi, merealisasikannya dan melaksanakannya di dalam projek jalur lebar komuniti kami," menurut Dato' Mohd Ali Hanafiah, Ketua Pegawai Pembangunan Industri MCMC.

Manakala untuk kategori Hiburan dan Gaya Hidup, kami mensasarkan rekaan aplikasi inovatif yang boleh memberi impak selari dengan perkembangan media digital masa kini dan industri hiburan tanah air. "Kami mahu terus konsisten dalam mencari sumber idea yang lebih segar. Gabungan idea kreatif bersama kepakaran teknologi bakal mencetuskan pengalaman baharu dalam dunia media. Peserta

boleh menggunakan peluang keemasan ini untuk mewujudkan dimensi baharu bersama rakan industri media. Idea rekaan terbaik bakal diguna pakai untuk kandungan digital kami," ujar Lam Swee Kim, Pengurus Besar Kumpulan Media Prima Digital.

Hadiah keseluruhan lebih RM60,000 serta bantuan dermasiswa oleh MCMC menanti bakal pemenang. Tambah menarik, **D3** turut menawarkan peluang kerjasama membangunkan aplikasi digital baharu bersama MCMC dan Media Prima Digital.

Peserta dibenarkan mereka-cipta aplikasi digital berdasarkan perisian Windows, Android dan iOS. Sertai **D3** dan kongsikan idea anda bersama komuniti serta peneraju industri media dan teknologi hari ini. Acara ini akan diadakan di Wakalab, bertempat di ibu pejabat Media Prima Digital di Bangsar. Rakan strategik untuk acara ini termasuk TIME dotcom Berhad dan Microsoft Malaysia. Hadiah lumayan menanti 3 pasukan teratas :-

Hadiah TEMPAT PERTAMA - Wang Tunai RM15,000+Dermasiswa bernilai RM10,000+Gajet Pintar

Hadiah TEMPAT KEDUA - Wang Tunai RM10,000+Dermasiswa bernilai RM10,000+Gajet Pintar

Hadiah TEMPAT KETIGA - Wang Tunai RM5,000+Dermasiswa bernilai RM10,000+Gajet Pintar

Untuk pendaftaran dan maklumat lanjut, layari mdd.mcmc.gov.my. Pendaftaran akan ditutup pada 17 Ogos 2014.

TAMAT



Kuala Lumpur, 21 July 2014 - The Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) in collaboration with Media Prima Digital invites all developers, designers, entrepreneurs and the creative community to join the **D3**. This event will be held on the 23rd and 24th of August 2014 at WakaLab, Media Prima Digital, Jalan Riong, Bangsar.

In this Digital Generation, we are connected to the internet almost every minute of the day. We are constantly learning to embrace technology as it now plays a role in enhancing our daily lives. Be it from as simple as organizing your day, shopping on the go, and remembering birthdays to planning your annual holiday.

D3 is the right place to be for anyone who is interested in developing digital applications to provide innovative solutions and bring new dimensions into the media industry. **D3** aims to gather the public to build digital applications & solutions to help us enrich our physical world, not take us away from it. The challenge is to build digital apps integrating real life in the categories of entertainment & lifestyle and help contribute to a “Connected Community”.

For the first time ever, special focus is given to innovative solutions and applications for rural users under the Connected Community category. “Our aim is to bridge the digital gap between the rural and urban communities. We are looking for tech enthusiasts who would like to make an impact and ‘give back’ to the community by building apps that enhance the lives of people in rural communities. We will pick the most inspirational ideas, turn them into working solutions and implement them in our community broadband project,” said Dato’ Mohd Ali Hanafiah, Chief Officer, Industry Development MCMC.

For the Entertainment & Lifestyle category, we are looking for innovative apps that would make an impact in the realm of digital media & entertainment industry. “We are constantly crowdsourcing for fresh and ground-breaking ideas. Creativity and tech skills can be combined to create a new experience in media. This is an excellent opportunity for participants to be part of the young and fast growing dimension of the media industry. Your ideas might just be picked to be integrated into our content.” said Lam Swee Kim, Group General Manager, Media Prima Digital.

Participants will stand a chance to take home prizes worth more than RM60,000, which includes bursaries from MCMC. Additionally, **D3** participants will be given amazing opportunities to collaborate with MCMC & Media Prima Digital on their current and future projects.

Participants have the option to develop Windows, Android &iOS apps. Sign up for **D3** to share your ideas with the community and industry leaders in the tech and media space. This event will be hosted at WakaLab, located at Media Prima Digital’s Headquarters in Bangsar. Key partners for this event are TIME dotCom Berhad and Microsoft Malaysia. Attractive prizes await the Top 3 teams:

1st Prize: RM15,000 Cash Prize + RM10,000 Bursary + Smart Gadget

2nd Prize: RM10,000 Cash Prize + RM10,000 Bursary + Smart Gadget

3rd Prize: RM5,000 Cash Prize + RM10,000 Bursary + Smart Gadget

For more information and to register, log on to mdd.mcmc.gov.my today. Registration closes on 17th August 2014.

END

Mengenai Media Prima Digital

Media Prima Digital adalah kumpulan media digital nombor satu di Malaysia, yang menawarkan kemahiran teras dalam strategi platform digital, penciptaan kandungan dan reka bentuk serta pembangunan teknikal. Kemahiran ini jelas diunjurkan dalam pembangunan dan pengurusan aset-aset digital Media Prima Berhad untuk Rangkaian TV dan Rangkaian Radio, seperti TV3, ntv7, 8TV, TV9, Fly FM, Hot FM dan One FM. Media Prima Digital juga menguruskan *Tonton*, portal video tempatan nombor 1 negara, selain portal akhbar-akhbar terkemuka negara iaitu *New Straits Times*, *Harian Metro* dan *Berita Harian*. Portal lain termasuk portal hiburan dan gaya hidup, *Gua.com.my* dan *Seroja.com.my*. Media Prima Digital adalah kumpulan media digital Media Prima Berhad, syarikat media bersepadu terbesar di Malaysia.

About Media Prima Digital

Media Prima Digital (Alt Media Sdn Bhd) is Malaysia’s No. 1 Digital Media Group, which boasts core skills in platform strategy, content creation and design as well as technical development. These skills

are prominently projected in the development and management of Media Prima Berhad's online operations particularly for the TV Networks, Radio Networks, such as TV3, ntv7, 8TV, TV9, Fly Fm, Hot FM and one FM. Media Prima Digital also manages Tonton, the nation's No.1 video portal and the country's leading newspapers online, New Straits Times, Harian Metro and Berita Harian. Other portals include entertainment and lifestyle portal, Gua.com.my and women's lifestyle portal, Seroja.com.my. Media Prima Digital is the digital arm of Media Prima Berhad, Malaysia's largest integrated media company.

Pemasaran & Komunikasi - Media Prima Digital

Tel: (+6-03-77266333 samb. 3440/Sri Pentas) atau (+6-03-27248619/Balai Berita)

- Liz Chong, lizchong@mediaprime.com.my
- Mohd Fuad Mohd Noor, mohdfuad@mediaprime.com.my

Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)

MCMC adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. MCMC mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga aktiviti dalam talian, perkhidmatan pos dan pensijilan digital. Akta Komunikasi dan Multimedia mengadakan peruntukan kepada MCMC peranan melaksanakan dasar, manakala dasar membuat keputusan adalah diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.

Untuk maklumat lanjut, layari www.mcmc.gov.my dan untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:

Tel: +603 8688 8000 Faks: +603 8688 1007 E-mel: cccd@cmc.gov.my

About MCMC

The Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) is a statutory body established under the Malaysian Communications and Multimedia Commission Act 1998 (MCMCA) which implements and promotes the Government's national policy objectives for the communications and multimedia sector. MCMC regulates and promotes the development of the communications and multimedia industry which includes telecommunications, broadcasting, and online activities, postal services and digital certification. The Communication and Multimedia Act provides that MCMC undertakes a policy implementation role, while policy decision-making is vested with the Minister. The Minister may also give policy directions to the Commission. For more news and information, contact: Tel: +603 8688 8000 Fax: +603 8688 1007, email: cccd@cmc.gov.my.